

Pemimpin minta isu kritikan tidak berlanjutan

KUALA LUMPUR: Pelbagai peringkat pemimpin semalam mahu isu kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak diperbesar dan diperpanjang demi kebaikan rakyat serta negara.

Mereka berpendapat banyak isu penting lain yang perlu diberi perhatian sekarang dan bukannya mewujudkan ketegangan yang boleh memberi kesan negatif terhadap Umno, bangsa dan negara.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Johari Baharum, berkata isu itu tidak elok diperbahaskan secara terbuka kerana ia bersifat peribadi dan tidak molek jika pihak lain seperti rakyat terseret sama dalam perkara ini.

Beliau bimbang jika polemik itu tidak ditangani secara halus dan betul, kemungkinan besar ia akan diambil kesempatan oleh orang lain yang berkepentingan.

Ahli Parlimen Gua Musang yang juga bekas Menteri Kewangan,

Tengku Razaleigh Hamzah berharap Abdullah dan Dr Mahathir dapat berbincang untuk mencari penyelesaian terbaik bagi meredakan ketegangan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin, berkata adalah tidak wajar mana-mana pemimpin menggunakan kata-kata tidak wajar atau kurang sopan jika mereka mempunyai perbezaan pandangan atau pendapat.

"Kalau kita tidak setuju dengan kerajaan, janganlah menggunakan kata-kata tidak wajar atau kurang sopan, itu tidak dibenarkan dalam Islam dan ia boleh memecah belahkan perpaduan umat Islam itu sendiri," katanya,

Di **GEORGETOWN**, Umno Bahagian Kepala Batas mahu Abdullah diberi peluang dan kesempatan memimpin negara selepas mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Dr Mahathir.

Naib Ketuanya, Datuk Roslan Sa'idin, berkata rakyat amat menghormati dan menyayangi Dr Mahathir yang memacu negara ini ke arah kemajuan selama lebih 20 tahun tetapi kini tiba masa Abdullah meneruskan kesinambungan pemerintahan.

Sementara itu, Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) berdiri teguh dan menyokong penuh kepemimpinan dan dasar pentadbiran yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri sekarang.

Ketua Penerangannya, Datuk Mohd Alwi Che Ahmad, berkata ahli BNBBC dan sebahagian besar anggota Kabinet yang ada sekarang juga adalah ahli Kabinet ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri sebelum ini yang sentiasa menghormati beliau.

"Janganlah kerana rasa tidak setuju dengan langkah yang diambil kerajaan sekarang, menuduh orang lain banyak buat silap kerana beliau (Tun Mahathir) juga mungkin banyak membuat silap sebelum ini," katanya.

Di **JOHOR BAHRU**, Ketua Penerangan Umno Johor, Senator Dr Mohd Fuad Zarkashi, berkata Dr Mahathir tidak sepatutnya bersikap menyerang kepemimpinan Perdana Menteri sekarang kerana beliau (Dr Mahathir) pernah mengubah dan merombak beberapa dasar Perdana Menteri sebelumnya.

"Oleh itu, Dr Mahathir tidak sepatutnya berkecil hati apabila Abdullah juga mengubah beberapa dasar yang dibawanya sebelum ini," katanya.